



Headline: Akauntan elak jadi mangsa scam
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 15 December 2018

Language: Malay
Section: Berita Perdana
Page: 2

Akauntan elak jadi mangsa scam



KETUA JSJK SARAWAK,
Superintenden
Mustafa Kamal Gani Abdullah

AKUN GIMAN

SIBU: Tindakan bijak seorang akauntan wanita berjaya menyelamatkan dirinya daripada menjadi mangsa tipu muslihat Macau Scam, semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Sarawak, Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa, 44, telah menerima panggilan telefon yang memperkenalkan diri sebagai anggota polis Sarjan Wong yang bertugas di Balai Polis Johor Baharu.

Menurutnya, menerusi perbualan di telefon, lelaki terbabit memberitahu mangsa mempunyai satu saman atas nama sebuah syarikat yang beralamat di 18, Jalan Jelutong, Johor Baharu.

"Lelaki itu turut mengatakan syarikat tersebut didaftarkan atas nama mangsa serta tidak menjelaskan tunggakan GST sebanyak RM96,800," jelasnya.

Katanya, mangsa terus meminta nombor telefon, nama dan alamat untuk berurusan berhubung kes terbabit.

"Lelaki terbabit telah memberikan nombor telefon dan butiran seorang wanita yang berkerja di Mahkamah Kuching.

"Lelaki terbabit turut memberikan satu nombor akaun bank bagi membolehkan mangsa membuat pembayaran deposit," ujarnya.

Katanya lagi, mangsa yang merasakan dirinya cuba ditipu oleh lelaki terbabit tampil membuat laporan polis.

"Mangsa tidak mengalami sebarang kerugian dalam kejadian terbabit," ujarnya.